



## Status Individu Muflis dalam Asnaf Al-Gharimin

Raziah Md Tahir<sup>1</sup> dan Syarifah Md Yusof<sup>2</sup>

### ABSTRAK

*Isu muflis dalam kalangan masyarakat Malaysia sering menjadi perbualan. Ia dikaitkan dengan ketidakupayaan seseorang untuk melangsaikan sesuatu hutang. Terdapat pelbagai faktor yang menjadi punca seseorang individu diisytiharkan muflis. Masalah muflis ini bukan sahaja menimbulkan kesan yang negatif kepada individu tersebut, malah ahli keluarga turut merasa bebannya. Persoalannya, adakah jalan penyelesaian bagi individu muflis untuk mengatasi masalah ini? Kertas kerja ini bertujuan meneliti empat isu utama. Pertama, meneliti isu hutang dari perspektif Islam. Kedua, meneliti isu muflis dari perspektif Islam. Ketiga, meneliti isu muflis di Malaysia. Keempat, meneliti tafsiran zakat asnaf al-gharimindi setiap negeri di Malaysia. Untuk ini analisis kandungan berdasarkan data sekunder dijadikan kaedah utama. Hasil analisis tersebut kemudiannya dijadikan panduan dalam menilai kelayakan muflis terhadap zakat asnaf al-gharimin di Malaysia.*

**Kata kunci:** Zakat, al-gharimin, muflis.

### 1. PENGENALAN

Muflis atau bankrap menggambarkan seseorang yang berada dalam keadaan tidak berupaya hendak menyelesaikan hutang (Kamus Dewan, 2005:1048). Secara purata dilaporkan bahawa seramai 60 orang diisytiharkan muflis pada setiap hari. Mereka yang berumur antara 35-44 tahun merupakan golongan yang paling tinggi terjerumus dalam isu muflis (Jalil, 2013). Majoriti daripada mereka adalah berbangsa Melayu dengan kira-kira 45% daripada individu muflis.

Meskipun kes muflis tidak meruncing, namun peningkatan jumlahnya pada setiap tahun membimbangkan. Umpamanya pada tahun 2007, sebanyak 13,238 individu muflis. Dalam tempoh 5 tahun berikutnya, jumlah individu muflis yang dicatatkan bagi tahun 2012 ialah 19,575 orang. Jumlah tersebut terus meningkat kepada 21,987 orang pada tahun 2013.

---

<sup>1</sup> RAZIAH MD TAHIR, Pusat Pengajian Perniagaan Islam, Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok, Kedah, Malaysia, raziah@uum.edu.my, 04-928 6665/019-558 4535.

<sup>2</sup> SYARIFAH MD YUSOF, Pusat Pengajian Perniagaan Islam, Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok, Kedah, Malaysia, syarifah@uum.edu.my, 04-928 6681/013-428 8805.

Sewa beli kenderaan dikenal pasti sebagai punca muflis yang paling utama dengan jumlah 30,451kes (26.14%). Ini diikuti dengan pinjaman perumahan sebanyak 20,529 kes (17.62%), pinjaman peribadi berjumlah 18,053 kes (15.50%) dan pinjaman perniagaan sebanyak 14,431 kes (12.39%).

Kertas kerja ini merupakan satu penerokaan terhadap permasalahan muflis dalam konteks Malaysia dan cuba mencari jalan keluar kepada mereka yang diisytiharkan muflis oleh mahkamah. Untuk itu, kertas kerja ini cuba meneliti empat perkara utama. Pertama, meneliti isu hutang dari perspektif Islam. Kedua, meneliti isu muflis dari perspektif Islam. Ketiga, meneliti isu muflis di Malaysia. Keempat, meneliti tafsiran asnaf al-gharimin yang ditetapkan oleh lembaga-lembaga zakat setiap negeri di Malaysia. Kertas kerja ini dibahagikan kepada enam bahagian iaitu pengenalan, hutang dari perspektif Islam, muflis dari perspektif Islam, isu muflis di Malaysia, zakat asnaf al-gharimin dan kesimpulan.

## 2. HUTANG DARI PERSPEKTIF ISLAM

Firman Allah dalam surah al-Baqarah 2: 282 menjadi hujah kepada keharusan berhutang dalam Islam. Sebahagian terjemahan ayat tersebut adalah:

*“Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu melakukan hutang piutang untuk waktu yang ditentukan, hendaklah kamu menuliskannya. Dan hendaklah seorang penulis di antara kamu menuliskannya dengan benar. Janganlah penulis menolak untuk menuliskannya sebagaimana Allah telah mengajarkan kepadanya...”* (Al-Baqarah 2: 282)

Islam mengharuskan pinjaman dan berhutang bagi mereka yang memerlukannya. Walau bagaimanapun, ia bukanlah cara untuk berbelanja secara bermewah-mewah dan bermegah-megah tanpa didasari keperluan dan alasan yang kukuh, malah Islam menyediakan garis panduan bagi mengelakkan diri dan keluarga daripada beban hutang.

Hutang merupakan satu liabiliti atau tuntutan kewangan bagi satu tempoh pada masa hadapan. Dalam konteks sistem perbankan Islam, hutang boleh terhasil menerusi dua cara. Pertama, hutang daripada akad pinjaman (*qard*). Kedua, hutang yang dihasilkan menerusi akad jual beli tertanggung.

Menurut istilah bahasa Arab, pinjaman disebut *al-Qard*. Maksud *al-Qard* menurut pandangan syarak adalah sesuatu yang dipinjamkan atau hutang yang diberikan. Menurut istilah para fuqaha, pinjaman ialah memberi hak milik sesuatu barangan kepada orang lain dengan syarat orang tersebut memulangkan semula gantinya tanpa sebarang tambahan (Mustofa al-Khin et al., 2004; al-Kharufah, 2008). Ijmak Ulama juga sependapat dengan sistem hutang yang

telah lama dijalankan sejak zaman Rasulullah SAW hingga ke hari ini. Amalan tersebut dapat mengukuhkan lagi hubungan persaudaraan sesama manusia dengan mengajak mereka menghulurkan bantuan kepada golongan yang berada dalam kesusahan dan kesulitan (al-Zuhayli, 1995). Bantuan kepada mereka yang memerlukan boleh diberikan dalam pelbagai bentuk, sama ada berupa wang atau kebendaan.

Pinjaman *al-Qard* merupakan satu sistem hutang yang diharuskan dalam Islam. Ia merupakan satu bentuk bantuan kewangan yang didahulukan untuk maksud kemanusiaan dan kebajikan. Pembayaran semula dilakukan dalam jangka masa yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak tanpa ada apa-apa keuntungan diterima oleh pihak yang memberikan pinjaman (Shamsuddin, 1995). Akad *al-Qard* ini boleh menjadi kontrak pembiayaan alternatif bagi memenuhi keperluan dan membantu masyarakat Islam dan semua umat manusia sejagat. Pelaksanaannya mampu mententeramkan jiwa peminjam dan orang yang menawarkan pinjaman (Sabran, 2001).

Hutang yang terhasil menerusi akad jual beli tertangguh pula merupakan satu lagi bentuk tanggungan liabiliti. Ia merupakan bentuk hutang yang amat sinonim dengan sistem perbankan Islam. Penggunaan akad jual beli tertangguh dalam penstrukturan produk pembiayaan Islam oleh sistem perbankan Islam amat meluas, antaranya ialah pembiayaan kenderaan berdasarkan *bay' bithaman ajil* dan kad kredit Islam berdasarkan *bay' al-'inah* dan *tawarruq*. Pengguna yang mendapatkan pembiayaan berdasarkan akad-akad jual beli tertangguh menanggung sejumlah hutang yang telah dinyatakan dalam perjanjian pembiayaan. Pembayaran hutang berkenaan dilangsaikan secara bulanan atau tempoh dan jumlah ansuran yang dipersetujui.

Adalah menjadi satu kewajipan kepada individu yang mempunyai hutang untuk membayar balik hutangnya sebagaimana yang dijanjikan. Kewajipan ini tidak terkecuali sama ada seseorang itu berhutang dengan individu ataupun dengan pihak institusi.

Islam memberi penekanan serius kepada soal hutang kerana ia boleh membawa kebencian dan kehinaan kepada seseorang yang gagal melunaskan hutangnya. Rasulullah SAW juga mengajarkan umatnya agar memohon perlindungan daripada belunggu hutang (hadis Sahih Bukhari, No 2397). Rasulullah SAW amat menekankan hal ini sehingga diriwayatkan bahawa Baginda enggan menunaikan solat jenazah ke atas mayat seorang sahabat yang belum melangsaikan hutang sebelum kematiannya, malahan hutang seseorang yang belum dilangsaikan sebelum kematiannya akan terus dipertanggungjawabkan pada hari akhirat kelak.

Walau bagaimanapun, masyarakat mutakhir ini dilihat begitu ketara dengan tabiat berhutang, malahan individu yang memiliki kemampuan kewangan mempunyai lebih kecenderungan untuk berhutang. Mereka berfikir bahawa membeli sesuatu secara tunai adalah merugikan berbanding membeli secara hutang. Akhirnya mereka terjebak dalam belenggu hutang sehingga tidak mampu melangsaikan hutang pada masa yang ditetapkan.

Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) mendapati pengurusan kewangan yang teruk menjadi punca tertinggi individu berhutang (22.8%), diikuti dengan perbelanjaan perubatan yang tinggi (18.1%), kegagalan dalam perniagaan (15.3%) dan kegagalan mengawal penggunaan kad kredit (11.1%). Punca-punca hutang lain ialah hilang pekerjaan (9.9%), tidak dinyatakan (6.1%), lain-lain (5.7%), kos hidup tinggi (4.4%), komitmen kewangan luar jangka (4.1%), kematian atau hilang upaya (1.4%) dan gagal dalam pelaburan (1.1%) (Hashnah Abdullah, 27 Februari 2014).

Jadual 1: Punca Hutang

<b>Punca</b>	<b>Peratus</b>
Pengurusan kewangan yang teruk	22.8
Perbelanjaan perubatan yang tinggi	18.1
Kegagalan dalam perniagaan	15.3
Kegagalan mengawal penggunaan kad kredit	11.1
Hilang pekerjaan	9.9
Tidak dinyatakan	6.1
Lain-lain	5.7
Kos hidup tinggi	4.4
Komitmen kewangan luar jangka	4.1
Kematian atau hilang upaya	1.4
Gagal dalam pelaburan	1.1
Jumlah	100.0

Sumber: AKPK dipetik dari *Utusan Malaysia*, 27 Februari 2014.

Merujuk kepada punca hutang yang disenaraikan oleh AKPK, pengurusan kewangan yang teruk dan kegagalan mengawal penggunaan kad kredit merangkumi hampir 34 peratus daripada keseluruhan punca hutang. Kedua-dua faktor ini berpunca daripada sikap individu yang tidak cekap dalam mengurus kewangan mereka. Mereka mungkin tidak mempunyai perancangan rapi untuk simpanan dan perbelanjaan pendapatan bulanan. Perkara ini juga disebabkan oleh sikap individu yang sering mendahulukan perbelanjaan untuk perkara yang bukan prioriti. Cara penggunaan yang membazir dan bermewah-mewah adalah sesuatu yang tidak sihat dan dilarang oleh Islam. Penggunaan kad kredit sebagai

cara mudah berbelanja dan penggunaannya secara tidak terancang menyebabkan individu menanggung hutang kad kredit yang tinggi. Kad kredit seharusnya digunakan secara berdisiplin dan terkawal bagi memudahkan urusan pembayaran tanpa perlu membawa wang tunai. Ia tidak seharusnya dijadikan sebagai medium untuk berhutang dalam sebarang penggunaan. Ini bermakna 34 peratus individu yang berhutang boleh mengelak daripada berhutang sekiranya mereka berjaya mengurus kewangan peribadi mereka dengan bijak dan berhemah. Walau bagaimanapun, baki kira-kira 66 peratus individu berhutang pula tidak dapat mengelakkan diri daripada isu hutang ini atas faktor-faktor di luar kawalan seperti perbelanjaan perubatan yang tinggi, kehilangan pekerjaan, kematian atau hilang upaya dan kegagalan sama ada dalam perniagaan atau pelaburan.

### **3. MUFLIS DARIPADA PERSPEKTIF ISLAM**

Perkataan muflis adalah merujuk kepada entiti yang menghadapi kekurangan kecairan atau aset yang boleh dicairkan untuk membayar hutang apabila sampai tempoh untuk membayar hutang (Awad & Michael, 2010). Al-Zuhayli (1996) mendefinisikan muflis sebagai orang yang tidak dapat membayar hutang atau yang menanggung hutang jauh lebih besar daripada harta yang ada. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa muflis adalah individu atau pihak yang tidak dapat melunaskan hutang apabila telah sampai tempoh (matang) walaupun dia mempunyai harta kerana tanggungan hutangnya adalah jauh lebih besar daripada harta yang dimiliki. Individu yang muflis boleh terdiri daripada lelaki atau wanita dan terdiri daripada individu atau syarikat.

Dalam muamalat, terdapat kitab fiqh yang membahaskan perihal muflis di dalam bab *al-hajr* (sekatan). Bab *al-hajr* ini membincangkan soal sekatan yang dikenakan ke atas seseorang daripada menguruskan hartanya (al-Zuhayli, 1996). Larangan menguruskan harta itu bertujuan mengelakkan individu berkenaan daripada melakukan kerosakan yang boleh membawa kemudaratan kepada dirinya dan juga pihak lain yang berkaitan.

Al-Zuhayli (1996) membahagikan sekatan kepada dua perkara. Pertama, sekatan demi kepentingan individu berkenaan. Kedua, sekatan demi kepentingan orang lain. Sekatan yang pertama dikenakan ke atas orang gila, kanak-kanak, orang yang tidak cukup/lemah akal dan pembazir. Sekatan yang kedua pula ialah ke atas muflis dan penggadai demi menjaga hak pemiutang. Jelas bahawa syarak mengenakan sekatan terhadap pengurusan harta milik muflis demi kebaikan orang lain, iaitu pemberi hutang (al-Zuhayli, 1996).

Berdasarkan pandangan fuqaha', status muflis hendaklah dibuat oleh hakim atau mahkamah. Setelah diisytiharkan muflis, sekatan boleh dilaksanakan. Menurut al-Zuhayli (1996), sekatan yang boleh dikenakan meliputi empat perkara. Pertama, muflis disekat daripada menderma sebahagian atau semua hartanya. Kedua, muflis dilarang membuat pertukaran harta dan kahwin lebih daripada satu kerana ketidakmampuannya daripada segi harta. Ketiga, muflis perlu mengagih-agihkan hartanya kepada semua pemiutang setakat mana harta yang dimilikinya. Keempat, pemiutang boleh melarang muflis daripada bermusafir untuk sebarang tujuan untuk mengelakkannya daripada menghilangkan diri dan lari daripada membayar hutang. Dalam hal ini, para fuqaha juga membenarkan hakim mengeluarkan perintah berkurung bagi menyelesaikan kes hutang muflis tersebut. Semua sekatan yang dikenakan ke atas muflis adalah untuk menjaga pemiutang agar hutangnya dapat diselesaikan oleh orang yang berhutang.

#### **4. ISU MUFLIS DI MALAYSIA**

Muflis atau kebangkrapan adalah satu pengisytiharan oleh mahkamah yang dilakukan oleh pihak bank atau diri penghutang itu sendiri. Had hutang yang membolehkan bank membankrapkan seseorang peminjam adalah RM30,000 dan ke atas (Jabatan Insolvensi, 2013). Tiada had ditetapkan sekiranya penghutang itu sendiri yang mahu memufliskan dirinya sendiri. Seseorang yang berstatus muflis bukanlah penjenayah, sebaliknya ia satu isu berkaitan kegagalan mengurus kewangan dengan berkesan.

Jadual 2 mendedahkan statistik kes yang menjadi punca kebangkrapan. Jumlah kes kebangkrapan atau muflis di Malaysia bagi tempoh 2007 sehingga Januari 2014 adalah sebanyak 124,457. Menurut Jabatan Insolvensi Malaysia seperti yang dilaporkan dalam akhbar Utusan Malaysia (27 Feb 2014), kategori kebangkrapan yang paling tinggi ialah sewa beli kenderaan (26.48%). Ini kemudian diikuti dengan pinjaman perumahan (17.8%), pinjaman peribadi (15.74%) dan pinjaman perniagaan (12.28%). Keempat-empat kategori kebangkrapan ini yang merangkumi 72.3% daripada keseluruhan kes kebangkrapan adalah pinjaman yang amat lazim kepada isi rumah di Malaysia. Bakinya merangkumi penjamin sosial (4.99%), penjamin korporat (4.16%), hutang kad kredit (4.35%), hutang cukai pendapatan (0.84%), biasiswa/pinjaman pelajaran (0.18%) dan keberhutangan lain (13.12%).

Jadual 2: Jumlah Kes Kebankrapan Mengikut Kategori Keberhutangan  
daripada 2007 Hingga Januari 2014

<b>Kategori Kebankrapan</b>	<b>Bilangan kes</b>	<b>%</b>
Sewa beli kenderaan	32,955	26.48
Pinjaman perumahan	22,229	17.80
Pinjaman peribadi	19,590	15.74
Pinjaman perniagaan	15,284	12.28
Penjamin sosial	6,216	4.99
Penjamin korporat	5,181	4.16
Hutang kad kredit	5,412	4.35
Hutang cukai pendapatan	1,046	0.84
Biasiswa/pinjaman pelajaran	219	0.18
Keberhutangan lain	16,325	13.12
Jumlah	124,457	100.00

*Sumber: Jabatan Insolvensi Malaysia dipetik daripada Utusan Malaysia, 27 Februari 2014*

Di Malaysia, umur yang paling tinggi dimuflikan adalah antara 35 hingga 44 tahun. Pada peringkat umur ini lazimnya individu mempunyai pekerjaan tetap dan kedudukan kewangan yang cukup stabil.

Mufliis adalah satu perkara yang serius. Seseorang yang diisytiharkan mufliis di Malaysia boleh diumpamakan sebagai hidup dalam keadaan 'koma'. Hal ini demikian kerana terdapat banyak sekatan dikenakan ke atas mufliis. Antaranya bank menutup pintu rundingan dan menganggap kebangkrapan adalah jalan penyelesaian buat mereka. Individu mufliis turut disenarai hitam oleh Jabatan Imigresen dan dilarang ke luar negara. Mereka turut disekat daripada memegang jawatan sebagai pengarah syarikat dan tidak boleh bekerja di syarikat yang dimiliki oleh suami, isteri atau saudara mara tanpa kebenaran KPI atau mahkamah. Mufliis juga tidak boleh meminjam wang lebih daripada RM1000 tanpa memaklumkan status mufliis mereka kepada pemberi pinjaman.

Bagi kakitangan awam pula, mereka yang diisytiharkan mufliis boleh dikenakan tindakan tatatertib kerana mufliis dikira sebagai mencemarkan nama perkhidmatan awam. Mufliis juga boleh menyebabkan penjawat awam tersebut hilang peluang kenaikan pangkat. Mereka juga boleh kehilangan hak untuk menikmati faedah pencen dan ganjaran lain sehinggalah perintah itu ditarik balik oleh mahkamah terbabit (Akta Pencen 1980). Bagi pesara kerajaan pula, kemungkinan wang simpanan carumannya dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) boleh dirampas oleh Ketua Pengarah Insolvensi bagi maksud membayar hutang pemiutang sebaik sahaja wang KWSP itu layak dibayar kepada penjawat awam yang bersara. Hal ini demikian kerana selagi mana wang tersebut

berada dalam tabung KWSP seksyen 51 Akta 452 menghalang wang tersebut daripada dirampas oleh Ketua Pengarah Insolvensi. Walau bagaimanapun, perlindungan seksyen 51 itu tidak akan terpakai sebaik sahaja wang tersebut dipindah masuk ke dalam akaun pesara yang telah muflis.

Jabatan Insolvensi masih memberi kelonggaran kepada muflis untuk terus mencari sumber kewangan bagi membayar hutang. Walau bagaimanapun, muflis dilarang bekerja dalam pekerjaan yang melibatkan pengurusan kewangan atau pun terdapat peruntukan undang-undang spesifik yang menegah golongan muflis daripada memegang sesuatu jawatan seperti majistret, jurutera, setiausaha syarikat dan akauntan.

Jabatan Insovensi Malaysia berhak dan boleh membekukan akaun dan mengambil aset individu muflis yang melebihi RM5,000 kerana aset tersebut akan terletak hak kepada Ketua Pengarah Insolvensi (KPI). Harta kepunyaan individu muflis juga boleh dijual dan hasil yang diperolehi daripada penjualan harta tersebut akan diagihkan kepada pemiutang. Dalam keadaan-keadaan tertentu, individu muflis boleh diperintahkan untuk membuat bayaran 3 bulanan sebagai sumbangan kepada estet bagi tujuan penyelesaian kepada pemiutang (Jabatan Insolvensi Malaysia, 2014).

Sekatan-sekatan yang dikenakan ke atas muflis mempunyai kerasionalannya. Pertama, untuk mengelakkan golongan muflis daripada terlibat dengan urusan kewangan kerana dikhuatiri mereka ini gagal menguruskan hal ehwal kewangan yang dipertanggungjawabkan kepada mereka. Kedua, untuk mengelakkan golongan tersebut daripada menyembunyikan jumlah pendapatan sebenar sekiranya mereka bekerja dengan ahli keluarga. Ketiga, penceburan mereka dalam bidang perniagaan atau urusan sesebuah syarikat harus dikawalselia supaya tidak mendatangkan apa-apa kesan buruk kepada pihak yang berurusan dengan golongan muflis tersebut.

Dalam kes muflis ini, tiada pelepasan automatik dipraktiskan di Malaysia. Berdasarkan Akta Kebankrapan 1967, ada tiga cara bagi seseorang yang muflis untuk keluar daripada status bankrap, iaitu pelepasan melalui perintah mahkamah, sijil pelepasan Ketua Pengarah Insolvensi dan pembatalan melalui perintah mahkamah tetapi ianya tertakluk kepada sebarang bantahan daripada pihak pemiutang.



## 5. ZAKAT ASNAF AL-GHARIMIN

Zakat merupakan rukun Islam yang ketiga. Ia berkait rapat antara hubungan manusia dengan Allah SWT dan juga hubungan manusia sesama manusia. Zakat menggambarkan hubungan manusia dengan Allah SWT kerana ia merupakan satu ibadah yang difardukan. Hubungan sesama manusia pula dilihat dari aspek pemberian dan bantuan kebajikan. Golongan yang berada diwajibkan mengeluarkan zakat bagi membantu golongan yang kurang berkemampuan. Ini dapat digambarkan melalui firman Allah SWT yang bermaksud:

*“Dan pada harta-harta mereka (ada pula bahagian yang mereka tentukan menjadi) hak untuk orang miskin yang meminta dan orang miskin yang menahan diri (daripada meminta).”* (Al-Dharyyat, 51:19)

Kewujudan golongan berada dan golongan kurang berada dalam pola kehidupan masyarakat turut dijelaskan dalam al-Quran sepertimana firman Allah SWT yang bermaksud:

*“Dan Allah telah melebihkan sebahagian daripada kamu atau sebahagian yang lain pada rezeki yang dikurniakanNya.”* (Al-Nahl, 16:71)

Zakat dan sedekah merupakan satu instrumen bagi jaminan sosial yang boleh digunakan oleh golongan kaya untuk memindahkan sebahagian daripada perolehan mereka kepada golongan asnaf khusus yang dibenarkan oleh syarak. Jaminan sosial merupakan jaminan yang diberikan oleh pemerintah dalam menyediakan keperluan asas seperti tempat tinggal dan makan minum kepada semua individu dalam masyarakat.

Asnaf zakat pula bermaksud orang-orang yang berhak menerima zakat menurut hukum syarak. Asnaf zakat ini telah disebut dalam al-Quran sepertimana firman Allah SWT yang bermaksud:

*“Sesungguhnya sedekah-sedekah itu adalah kepunyaan orang-orang fakir dan miskin dan orang-orang yang menguruskannya dan orang-orang yang dijinakkan hatinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk jalan Allah, dan Ibnu Sabil, yang demikian itu sebagai kefarduan yang difardukan Allah, dan Allah amat mengetahui lagi amat bijaksana.”* (Al-Taubah, 9:60)

Berdasarkan maksud firman Allah dalam ayat al-Quran di atas, terdapat lapan golongan yang berhak menerima zakat. Mereka terdiri daripada golongan fakir<sup>3</sup>, miskin<sup>4</sup>, *amil*<sup>5</sup>, *muallaf*<sup>6</sup>, *riqab*<sup>7</sup>, *al-gharimin* (orang-orang yang berhutang), *fisabilillah*<sup>8</sup> dan *ibnu sabil*<sup>9</sup>. Namun, kertas kerja ini hanya akan membincangkan asnaf *al-gharimin*. Asnaf *al-gharimin* merupakan asnaf keenam yang disebut dalam ayat tersebut.

Dari segi bahasa, *al-gharimun* adalah kata *jama'* dari *gharim* yang bermaksud tetap. *Al-Gharim* bermaksud orang yang mempunyai hutang untuk kepentingan bukan maksiat dan tidak mampu untuk menyelesaikannya. Ini bermakna hutang itu tetap pada orang yang berhutang.

Takrif *al-gharimin* mengikut ulama mazhab Maliki, Syafi'i dan Hanbali ialah orang yang berhutang sama ada hutang untuk dirinya sendiri atau hutang untuk kemaslahatan masyarakat (al-Qaradawi, 2002). *Al-Gharimin* merupakan salah satu golongan yang berhak menerima zakat atas dasar memenuhi keperluan dan hajat mereka.

Di Malaysia, agihan zakat kepada golongan asnaf zakat diuruskan oleh Pusat Urus/Pungutan Zakat Negeri, Lembaga Zakat, Jabatan Zakat Negeri atau Baitulmal yang terletak di bawah Majlis Agama Islam Negeri. Setiap negeri mempunyai tafsiran tersendiri mengenai asnaf *al-Gharimin* dan ini dapat ditunjukkan seperti Jadual 3 berikut.

---

<sup>3</sup> FAKIR adalah orang yang tidak berharta serta tidak mempunyai pekerjaan sama sekali atau orang yang mempunyai harta dan pekerjaan tetapi tidak dapat menampung keperluan hariannya. Sebagai contoh, keperluannya sehari ialah RM10.00 tetapi dia hanya ada RM2.00 (<http://zakat.com.my>).

<sup>4</sup> MISKIN adalah orang yang mempunyai harta tetapi tidak mencukupi keperluan hariannya. Sebagai contoh, keperluannya sehari ialah RM10.00, tetapi dia hanya ada RM7.00 (<http://zakat.com.my>).

<sup>5</sup> AMIL adalah orang/pekerja yang ditugaskan oleh pemerintah mengutip/mengagih zakat (<http://zakat.com.my>).

<sup>6</sup> MUALLAF adalah saudara baru memeluk Islam (<http://zakat.com.my>).

<sup>7</sup> RIQAB adalah hamba yang menebus dirinya secara ansuran (<http://zakat.com.my>).

<sup>8</sup> FISABILILLAH adalah orang yang berjuang di jalan Allah (<http://zakat.com.my>).

<sup>9</sup> IBNU SABIL adalah musafir yang terputus bekalannya semasa di perantauan (<http://zakat.com.my>).

Jadual 3: Tafsiran Asnaf *al-Gharimin* Mengikut Negeri di Malaysia

<b>Pusat Urus Zakat/ Lembaga Zakat/ Jabatan Zakat/ Baitulmal</b>	<b>Tafsiran Asnaf <i>al-Gharimin</i></b>
Kedah	Orang yang berhutang untuk kepentingan bukan maksiat dan tidak sanggup membayarnya. Adapun orang yang berhutang untuk memelihara persatuan umat Islam dibayar hutangnya itu dengan zakat, walaupun ia mampu membayarnya.
Pulau Pinang	Kesusahan berat/hutang, rawatan kronik/dialisis, yuran STAM/STPM, pengurusan jenazah tak berwaris, baik pulih pondok pengajian dan sumbangan kepada institusi khas (Sek. Terencat Akal/ Anak Yatim/ Buta/ Pekak).
Perak	Bantuan menyelesaikan hutang pendaftaran di pusat pengajian tinggi dalam negeri, hutang tambang tiket kapal terbang dan sebagainya serta bayaran balik pinjaman berjadual kepada Kerajaan Negeri. Pemohon hendaklah mengemukakan bukti keterhutangan dan menunjukkan ikhtiar dan usaha yang telah dibuat untuk menyelesaikannya sebelum membuat permohonan tersebut. Hutang untuk perkara yang bukan untuk kepentingan syarie atau keperluan syarie atau keperluan untuk bermewah akan ditolak.
Selangor	Hutang kerana keperluan hidup, hutang persatuan kerana permasalahan ummah, hutang rawatan mesin dialisis, hutang perubatan dan pengurusan jenazah tanpa waris.
Wilayah Persekutuan	Orang yang menanggung hutang untuk tujuan yang bukan maksiat dan tidak mampu menyelesaikannya.
Negeri Sembilan	Golongan yang berhutang untuk memenuhi keperluan asas bagi kemaslahatan diri, keluarga, tanggungannya atau masyarakat Islam yang memerlukan penyelesaian segera dan dibenarkan oleh hukum syarak.
Melaka	Orang yang menanggung hutang yang dibenarkan oleh syarak seperti hutang untuk masalah orang ramai tetapi tidak mampu membayar hutang tersebut.
Johor	Golongan yang berhutang untuk memenuhi keperluan asas diri, keluarga, tanggungannya atau masyarakat dan memerlukan penyelesaian segera selaras dengan hukum syarak.

---

Pahang	Golongan yang berhutang untuk memenuhi keperluan asas diri, keluarga, tanggungannya atau masyarakat dan memerlukan penyelesaian segera yang dibenarkan syarak.
Terengganu	Golongan yang berhutang untuk memenuhi keperluan asas bagi kemaslahatan diri, keluarga, tanggungannya atau masyarakat Islam yang memerlukan penyelesaian segera dan dibenarkan oleh hukum syarak.
Kelantan	Orang-orang berhutang untuk faedah awam seperti untuk menghapuskan persengketaan dua pihak dan sebagainya. Bagi individu yang berhutang untuk tujuan peribadi, mereka hanya boleh dimasukkan ke dalam asnaf ini dengan syarat beliau mestilah tidak memiliki harta dalam kadar yang mencukupi ( <i>haddul kifayah</i> ).
Sabah	Orang yang berhutang untuk tujuan bukan maksiat, bantuan perubatan dan rawatan, pengurusan jenazah, bantuan baik pulih surau dan masjid, bantuan kepada Sekolah Agama Rakyat, Pertubuhan Bukan Kerajaan dan Tajaan program Islamik.
Sarawak	Orang yang terpaksa berhutang disebabkan keperluan mendesak yang tidak berlebih-lebihan bagi diri dan masyarakat Islam yang bukan kerana maksiat (nafsu).
Perlis	Orang yang berhutang untuk memenuhi keperluan asas bagi kemaslahatan diri, keluarga, tanggungannya atau masyarakat Islam yang memerlukan penyelesaian segera dan dibenarkan oleh hukum syarak.

---

*Sumber: Diubah suai berdasarkan maklumat yang diakses daripada laman web Pusat Zakat negeri-negeri yang berkenaan.*

Berdasarkan kepada jadual di atas, mereka yang menghadapi masalah dalam tanggungan hutang yang tidak mampu dibayar adalah tergolong dalam asnaf *al-gharimin*. Walau bagaimanapun, tidak semua golongan yang berhutang secara automatik termasuk dalam takrifan *gharimin* yang layak menerima zakat. Ia mestilah atas sebab yang dibenarkan syarak, iaitu untuk menampung keperluan asas bagi diri, keluarga dan tanggungannya.

Berdasarkan takrif *gharimin* oleh lembaga-lembaga zakat negeri di Malaysia, syarat-syarat terhadap *gharimin* yang layak mendapat bantuan adalah seperti berikut:

*(1) Gharimin tidak mempunyai harta atau sumber kewangan yang melebihi keperluan asasinya*

Orang yang berhutang sememangnya benar-benar tidak mampu membayar hutangnya. Individu mestilah tidak memiliki harta dalam kadar yang mencukupi (*had kifayah*). *Had kifayah* bermaksud garis kecukupan minimum bagi keperluan asasi seseorang dan tanggungannya berdasarkan kos sara hidup masa kini ([www.e-zakat.com.my](http://www.e-zakat.com.my)). Keperluan asasi yang diambil kira dalam menentukan *had kifayah* merangkumi beberapa aspek. Lembaga Zakat Selangor misalnya mengambil kira enam aspek iaitu perlindungan, makanan, pakaian, perubatan, pendidikan dan pengangkutan.

*(2) Tujuan hutang - Hutang yang dibuat di dalam perkara-perkara yang halal dan harus atau perkara syarie*

Tujuan sesuatu hutang dibuat menjadi penentu sama ada orang yang berhutang tersebut layak atau tidak menerima dana zakat bagi membayar hutangnya. Al-Qaradawi (2002) menjelaskan bahawa tujuan berhutang mestilah perkara yang harus atau bertujuan melaksanakan ketaatan kepada Allah. Tidak termasuk *gharimin* bagi orang yang menanggung hutang sama ada untuk kepentingan diri sendiri atau kepentingan orang lain akibat melakukan perkara maksiat. Sebagai contoh, seseorang berhutang untuk tujuan berjudi dan membeli nombor ekor tidak layak untuk menerima zakat bagi membayar hutangnya..

Orang yang berhutang untuk tujuan yang tidak syarie termasuklah menanggung beban hutang kerana berbelanja secara berlebih-lebihan, membazir dan bermewah-mewah (al-Qaradawi, 2002). Hal ini demikian kerana Allah melarang perbuatan berlebih-lebihan sebagaimana firman Allah dalam al-Quran yang bermaksud:

*“Wahai anak-anak Adam! Pakailah pakaian kamu yang indah berhias pada tiap-tiap kali kamu ke tempat ibadat (atau mengerjakan sembahyang) dan makanlah serta minumlah dan jangan pula kamu melampau; sesungguhnya Allah tidak suka akan orang-orang yang melampaui batas.” (Al-A'raf, 7:31)*

Ini bermakna, tidak semua individu muflis layak menerima zakat di bawah asnaf *gharimin*. Dalam konteks muflis, tujuan hutang yang menjadi punca kepada kemuflisannya harus dikenal pasti terlebih dahulu. Muflis yang beragama Islam layak menerima bantuan zakat sekiranya hutang yang dibuat di dalam perkara-perkara yang halal dan harus atau perkara syarie. Lembaga-lembaga zakat di Malaysia menyenaraikan tujuan-tujuan berhutang bagi asnaf *gharimin* yang berhutang untuk kemaslahatan diri sendiri seperti berikut:

1. Memenuhi keperluan perkara asasi atau daruri bagi diri, keluarga, tanggungan
2. Pendidikan: Kos pengajian universiti, yuran STAM, STPM
3. Bayaran balik pinjaman pendidikan berjadual kepada Kerajaan Negeri
4. Kos rawatan penyakit kritikal: Rawatan penyakit kronik, dialisis darah

Tujuan-tujuan berhutang bagi asnaf *gharimin* yang berhutang untuk kepentingan orang lain menurut Lembaga-lembaga Zakat Negeri di Malaysia adalah seperti berikut:

1. Memenuhi keperluan perkara asasi atau daruri bagi masyarakat
2. Baik pulih pondok pengajian dan sumbangan kepada institusi khas (sek. Terencat akal/ anak yatim/buta/pekak)
3. Bantuan baik pulih surau dan masjid, bantuan kepada sekolah agama rakyat, pertubuhan bukan kerajaan dan tajaan program islamik
4. Hutang persatuan kerana permasalahan ummah
5. Berhutang untuk faedah awam seperti menghapuskan persengketaan dua pihak
6. Pengurusan jenazah tanpa waris

*Gharimin* yang berhutang untuk menyelesaikan permasalahan asasi seperti kesihatan, pelajaran diperingkat rendah dan menengah, makanan, tempat perlindungan sementara dan segala hutang untuk meninggikan martabat agama dibantu terus daripada peruntukan asnaf *gharimin* tanpa melihat kepada jumlah yang ditanggung. Ini bermakna, peminjam Pinjaman Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) yang tidak mempunyai sumber dana bagi menjelaskan pinjaman pelajaran boleh tergolong sebagai *al-gharimin*.

Merujuk kepada takrifan *gharimin* oleh Lembaga-lembaga Zakat di Malaysia, tiada satu pun negeri yang melayakkan *gharimin* yang berhutang untuk perkara yang bukan untuk kepentingan syarie untuk menerima zakat. Individu yang berhutang untuk tujuan bermewah-mewah juga terkeluar daripada asnaf *gharimin* yang berhak menerima zakat.

Oleh itu, punca seseorang itu diisytiharkan muflis menjadi antara kriteria utama dalam menentukan kelayakannya untuk menerima zakat di bawah asnaf *gharimin*. Oleh itu, tidak semua muflis layak menerima zakat di bawah asnaf *gharimin* kerana kelayakan menerimanya bergantung kepada sebab atau punca hutang. Sekiranya muflis menanggung beban hutang kerana membiayai mana-mana keperluan asasi bagi diri dan tanggungannya, individu tersebut dikira layak menerima zakat. Muflis juga layak menerima zakat sekiranya menanggung beban hutang kerana menjaga kepentingan masyarakat dan ummah seperti yang dinyatakan sebelum ini.

*(3) Tidak berlebih-lebihan dalam memenuhi keperluan diri dan masyarakat*

Seseorang muflis terpaksa berhutang bagi memenuhi keperluan yang mendesak dengan tidak berlebih-lebihan. Ini bermakna hutang hanya bertujuan memenuhi perkara yang perlu sahaja. Umpamanya dalam pengurusan jenazah, hutang untuk perbelanjaan batu nisan yang cantik dan membina binaan di kubur adalah termasuk dalam hutang yang membazir dan berlebih-lebihan. Ruang lingkup hutang yang 'berlebih-lebihan' juga boleh bergantung kepada *uruf* setempat.

*(4) Wujud keperluan menyelesaikan hutang dengan segera*

Bagi individu muflis, sememangnya mereka berada dalam keadaan terdesak untuk menyelesaikan hutang mereka dengan segera memandangkan tempoh membayar hutang telah sampai, malahan bayarannya tertunggak. Walau bagaimanapun, tujuan mereka berhutang juga perlu dikenal pasti terlebih dahulu dalam menentukan kadar yang sepatutnya boleh diambil kira sebagai kategori *asnaf al-gharimin*.

*(5) Wujudnya kemudaratan terhadap diri dan keluarga jika hutang tidak dibayar*

Di Malaysia, individu yang diisytiharkan muflis berhadapan dengan tekanan hidup dan kemurungan kerana belunggu hutang. Ada yang terpaksa mengetepikan keperluan anak dan isteri untuk menyelesaikan hutang. Hal ini demikian kerana harta mereka dibekukan oleh Jabatan insolvensi. Golongan ini boleh juga dikembangkan kepada orang-orang yang berhutang dengan 'ah long'. Umum mengetahui betapa kejamnya 'ah long' menyeksa mereka yang tidak mampu membayar hutang. Seksaan dan ancaman yang diberikan amat dahsyat dan tidak berperikemanusiaan (Saad, 2013).

*(6) Orang yang berhutang telah berusaha untuk membayar hutangnya*

Individu muflis haruslah menunjukkan bahawa mereka telah berikhtiar dan berusaha untuk menyelesaikan hutang sebelum membuat permohonan tersebut.

## **6. KESIMPULAN**

Orang yang berhutang atau *al-gharimin* sememangnya merupakan salah satu *asnaf* zakat. Walau bagaimanapun, tidak semua orang yang berhutang berhak menerima zakat bagi membayar hutang-hutangnya. Dalam konteks muflis, status muflis adalah lebih kritikal berbanding dengan golongan berhutang yang tidak diisytiharkan muflis. Namun begitu, berdasarkan analisis terhadap definisi *gharimin* di Malaysia, tujuan utama individu muflis berhutang dilihat paling penting dalam menentukan kelayakan mereka menerima zakat bagi melunaskan

hutang mereka. Tujuan berhutang yang tidak syarie, seperti berbelanja secara boros dan bermewah-mewah menurut hawa nafsu dilihat tidak selari dengan definisi *al-gharimin*.

Walau bagaimanapun, kertas kerja ini hanya menilai kelayakan muflis terhadap zakat asnaf *gharimin* dari sudut definisi *al-gharimin* berdasarkan negeri-negeri di Malaysia. Kajian terperinci perlu dilakukan seperti kajian pandangan ulama silam dan ulama kontemporari terhadap muflis dan isu maqasid syariah dalam menentukan kelayakan muflis menerima zakat di bawah asnaf *gharimin*.

## **RUJUKAN**

- Abed Awad, & Robert E. Michael. (2010). Iflas and Chapter 11: Classical Islamic Law and Modern Bankruptcy. *44 Int'l Law*, 975-1000.
- Ala al-Din al-Kharufah. (2008). *Aqad Hutang Piutang Menurut Syariat Islam Dan Undang-Undang Sivil*. Selangor: Crescent News.
- al-Qaradawi, Yusuf. (2002). Hukum zakat. (Terj) Salman Harun, Didin Hafidhuddin dan Hasanuddin. Bogor, Indonesia: Pustaka Litera AntarNusa.
- al-Zuhayli, Wahbah. (1995). *Fiqh dan Perundangan Islam*, Jilid IV, (Terj) Md Akhir Haji Yaacob et al. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- al-Zuhayli, Wahbah. (1996). *Fiqh Perundangan Islam*, Jil 5, (Terj) Ahmad Shahbari Salamon et al. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azlan Khalili Shamsuddin. (1995). *Riba: Alternatifnya Dalam Sistem Bank Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashnah Abdullah. (27 Februari 2014). Peluang kedua individu muflis, Mega focus, Utusan Malaysia, 2-3.
- Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdi). (2011).Ceramah Keutuhan Bheuu, Kebankrapan Di KalanganPenjawat Awam, 24 Februari 2011, akses pada 22 April 2014, [http://www.bheuu.gov.my/intranet/pdf/ceramah\\_keutuhan/FEBRUARI%202011-KEBANKRAPAN%20DIKALANGAN%20PENJAWAT%20AWAM.pdf](http://www.bheuu.gov.my/intranet/pdf/ceramah_keutuhan/FEBRUARI%202011-KEBANKRAPAN%20DIKALANGAN%20PENJAWAT%20AWAM.pdf).
- Jabatan Zakat Negeri Kedah Darul Aman, <http://www.zakatkedah.com>, akses pada 10 November 2010.



- Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak, <http://www.maiamp.gov.my/>, akses pada 10 November 2010.
- Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu, <http://maidam.terengganu.gov.my/>, akses pada 10 November 2010.
- Majlis Agama Islam Johor, <http://www.maij.gov.my/>, akses pada 10 November 2010.
- Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK), <http://www.e-maik.my>, akses pada 10 November 2010.
- Majlis Agama Islam Melaka, <http://www.maim.gov.my/>, akses pada 10 November 2010.
- Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Perlis, <http://www.maips.gov.my>, akses pada 10 November 2010.
- Muhammad Ayyub. (2007). *Understanding Islamic Finance*. England: John Wiley & Sons.
- Mustofa al-Khin et al. (2004). *Fiqh Mazhab Syafie*. Terj.Ust. Solehan bin Ayub. Shah Alam: Pustaka Salam Sdn. Bhd.
- Osman Sabran. (2001). *Urusniaga al-Qard al-Hasan Dalam Mekanisme Pembiayaan Tanpa Riba*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Portal Rasmi Jabatan Insolvensi Malaysia, <http://www.insolvensi.gov.my/ms/about-us/core-business/core-business/personal-bankruptcy>, akses pada 23 Mac 2014.
- Pusat Kutipan Zakat Pahang, <http://www.zakatpahang.my/>, akses pada 10 November 2010.
- Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan, <http://www.zakat.com.my/>, akses pada 10 November 2010.
- Pusat Urus Zakat Pulau Pinang, <http://www.zakatpenang.com/>, akses pada 10 November 2010.
- Pusat Zakat Melaka, <http://www.izakat.com/>, akses pada 10 November 2010. Pusat Zakat Negeri Sembilan, <http://zakatns.com.my/>, akses pada 10 November 2010.

Ram al-Jaffri Saad. (2013). Dana zakat Melayu muflis, Utusan Malaysia, 20/12/2013.

Razali Othman, & Rohayu Abdul Ghani. (2011). Sektor ijtimai: Ke arah pemantapan sosio-ekonomi ummah, *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, 5 (1), 99-130.

Tabung Baitulmal Sarawak, <http://www.tabung-baitulmal-sarawak.org.my/>, akses pada 10 November 2010.

Zakat Sabah, <http://www.zakat.sabah.gov.my/>, akses pada 10 November 2010.